



KENYATAAN MEDIA  
7 APRIL 2025

## **Situasi Semasa Pembekalan Elektrik dan Gas di Semenanjung Susulan Insiden Letupan Paip Gas di Putra Heights, Subang Jaya**

**Putrajaya, 7 April 2025** – Pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) merujuk kepada insiden letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor pada 1 April 2025. Pihak ST ingin melahirkan rasa simpati terhadap mangsa-mangsa yang terlibat dengan kejadian ini, terutamanya yang terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara.

Pihak pengurusan ST bersama beberapa entiti operasi terlibat dalam pembekalan gas dan elektrik termasuk Grid System Operator, Single Buyer, Gas Malaysia Berhad, Penjana bebas, PETRONAS dan TNB Fuel Sdn. Bhd. sedang memantau secara terperinci situasi pembekalan elektrik dan gas di Semenanjung Malaysia, antaranya menilai kesan gangguan bekalan gas, langkah-langkah mitigasi dan pelan interim, dengan mengambil kira pelbagai senario sehingga keadaan pulih.

### **Situasi Bekalan Gas**

**Bekalan gas di Semenanjung Malaysia terganggu di beberapa kawasan di zon tengah iaitu Shah Alam, Klang, Serdang, Puchong, Batu Tiga dan Kapar serta di beberapa kawasan di zon utara.** Beberapa pengguna yang terkesan telah mula menerima notis sekatan daripada pembekal masing-masing sehingga 20 April 2025.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Bekalan gas masih ada dalam kuantiti yang terhad dan keutamaan diberikan kepada perkhidmatan kritikal seperti hospital dan penjanaan elektrik, serta keperluan untuk menstabilkan tekanan paip gas.

## Situasi Bekalan Elektrik

Insiden ini telah menyebabkan berlakunya gangguan bekalan gas kepada empat (4) stesen janakuasa utama yang berada di Lembah Klang iaitu Stesen Janakuasa (SJ) Connaught Bridge, SJ Pulau Indah, SJ Sultan Salahuddin Abdul Aziz (KEV) dan SJ Putrajaya. Namun begitu, **bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia dalam keadaan stabil** dengan beberapa langkah mitigasi telah dan akan diambil, antaranya:

- (i) pengoperasian secara optimum stesen-stesen janakuasa sedia ada termasuk penjanaan berdasarkan arang batu;
- (ii) kesiapsediaan (*standby*) pengoperasian stesen janakuasa yang terkesan menggunakan *distillate fuel* dan MFO; dan
- (iii) pemantauan permintaan dan perancangan penjanaan (*power dispatch*) yang lebih terperinci merangkumi pelbagai senario risiko.

Langkah-langkah mitigasi interim sedang diteliti secara berterusan. Pihak ST juga akan menganjurkan sesi libat urus dengan pengguna-pengguna yang terjejas dalam tempoh terdekat ini.

Insiden letupan paip gas ini merupakan insiden terpencil di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pihak ST menyeru pihak-pihak yang terlibat untuk terus bekerjasama dan kepada semua pengguna untuk sentiasa mengutamakan keselamatan serta memastikan penggunaan tenaga secara berhemah agar dapat menangani impak secara kolektif bagi kesejahteraan bersama.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi [media@st.gov.my](mailto:media@st.gov.my).***

---

### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.